



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

17hb Januari 2002

No. 2

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 27.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Mamat bin Ismail K/P. 241005-11-5235 (1115578) yang beralamat di d/a No. 132, Jalan Sultan Zainal Abidin, 20000 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Bandar—Bandar Kuala Terengganu. No. Lot—2371. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 3325. Luas—161.8742 meter persegi.

Bertarikh 2 Januari 2002.
[PTG. TR. 05/55/2002.]

KAMALUDIN BIN ISMAIL,
Pendaftar Hakmilik,
Terengganu

No. 28.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Muda bin Awang K/P. 320325-11-5045 (1111744) yang beralamat di d/a No. 989, Kampung Ladang Titian, 20000 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Bandar—Bandar Kuala Terengganu. No. Lot—2836. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 3248. Luas—724.3872 meter persegi.

Bertarikh 2 Januari 2002.
[PTG. TR. 05/55/2002/B/002 (3).]

KAMALUDIN BIN ISMAIL,
Pendaftar Hakmilik,
Terengganu

No. 29.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Ramlas binti Shapii K/P. 360725-11-5112 yang beralamat di No. 14, Kampung Binjai Stesen, 23000 Dungun kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kumpal. No. Lot—2161. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1905. Luas—1,168 meter persegi.

Bertarikh 26 Disember 2001. HAJI MOHAMAD BIN. A. RAHMAN @ OTHMAN,
[PTD. 08/55/2001/B004.] b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

No. 30.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Wan Abdullah bin W. Ibrahim yang beralamat di No. 102, FELDA Kerteh 2, 23100 Paka, Dungun, Terengganu bagi menggantikan keterangan GM. 714, Lot 504, Mukim Kampung Raja, 22200 Besut, Terengganu sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Kampung Raja. No. Lot—504. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 714. Luas—0.4362 hektar.

Bertarikh 24 Disember 2001.
[PTB. 05/55/2001/0057 (4).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 31.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Khalipah binti Mat Jusoh yang beralamat di Kampung La, Hulu Besut, 22000 Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Hulu Besut. No. Lot—3261. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1678. Luas—0.3705 hektar.

Bertarikh 24 Disember 2001. WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
[PTB. 03/55/2001/0055 (4).] b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 32.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Sa'adiah binti Ismail yang beralamat di Kampung Beting Lintang, 22200 Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Tembila. No. Lot—1184. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 171. Luas—1.5151 hektar.

Bertarikh 26 Disember 2001. WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
[PTB. 15/55/2001/0054 (6).] b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 33.

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperlakukan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Puan Bidah binti Ag. Senik K/P. 220616-03-5012 yang beralamat di No. 30, Kampung Merbau Menyusup, 21500 Langkap, Setiu, Terengganu untuk mendapatkan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Nerus. No. PT.—1113 K. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M). 990. Luas—0.1618 hektar.

Bertarikh 30 Disember 2001.
[PTS. 00/55/2001/B001 (32).]

AHMAD AZIZI BIN ZULKIFLI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Setiu

No. 34.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Sepiah binti Embong yang beralamat di No. 298, Kampung Rahmat, Chalok, 21450 Bandar Permaisuri, Setiu bagi menggantikan keterangannya yang diisyiharkan hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar—Pengkalan Nangka. No. PT.—602. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M). 172 (Geran hilang). Luas—0.1457 hektar.

Bertarikh 23 Disember 2001.
[PTB. 13/55/2001/0031 (7).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 35.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Encik Mohamad Azmi bin Yahya K/P. 530729-08-5941 yang beralamat di No. 1, Jalan 28/17A, Taman Alam Megah, 40400 Shah Alam, Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan-pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima dari pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Besut, Terengganu pada hari Isnin 18 Februari 2002 pada pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut Seksyen 261 (1) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan memajukan sebab-sebabnya mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan—Lubok Kawah. No. Lot/Petak/PT.—2628. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 479. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1851/97; Folio 1; Jilid 59.

Bertarikh 11 Disember 2001.
[PTB. 10/53/2001/0001 (18.)]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 36.

PEMBERITAHU LELONGAN AM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan Lot PT. 758 di Daerah Sungai Kerian, Mukim Lubok Kawah, Besut.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Rabu, 17 April 2002 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah, Besut.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- | | | |
|---------------------------|---|---|
| (i) Daerah | — | Sungai Kerian. |
| (ii) Keluasan (sementara) | — | 0.4233 hektar. |
| (iii) Jenis Penggunaan | — | Pertanian. |
| (iv) Suratan Hakmilik | — | Pajakan Mukim 99 Tahun.
(Keputusan MMKN Bil. 1243/2001). |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM5,000.00.

(c) Harga Tambahan:

(i) Hasil Tahunan	RM	8.00
(ii) Bayaran Upah Ukur	RM	50.00
(iii) Tanda Sempadan	RM	20.00
(iv) Persediaan Pelan	RM	5.00
(v) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik	RM	20.00
(vi) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal	RM	20.00
						Jumlah:	RM 123.00

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, Tahun 1966 seperti berikut:

- (i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang akan menjadi pembeli asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
- (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
- (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang kesembilan puluh (90) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu, maka hilanglah wang cengkeramnya dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutannya kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.
- (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur, maka hendaklah dikeluarkan Keterangan Hakmilik Sementara.
- (vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH, BESUT.

Bertarikh 30 Disember 2001.
[PTG. TR. 01/19/2001/0032;
PTB. 10/17/1988A/235.]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 37.

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Kali Kedua)

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Majlis Amanah Rakyat, Pemegang Gadaian.

Dan

Setapa bin Awang K/P. 2736721, Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 4 Disember 1996 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 27 Februari 2002 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	GM. 249.
No. Lot	:	374.
Cukai Tahunan	:	RM6.00.
Keluasan Tanah	:	0.9166 hektar.
Mukim	:	Hulu Berang.
Tempat	:	Kampung Pasir Pelata.
Pegangan	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Pertanian (Padi Taburan).
Pemilik Berdaftar	:	Setapa bin Awang.

Syarat Nyata:

Padi taburan.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Perserahan 926/1982.

Lokasi dan Perihal Hartanah:

Tanah terlibat ini terletak di Kampung Pasir Pelata, Mukim Hulu Berang. Kedudukannya lebih kurang 8 km ke arah Tenggara Pekan Kuala Berang. Perletakan lot ini adalah di lapisan ketiga dari jalan Kuala Berang ke Kampung Pengkalan Ajal. Tidak mempunyai jalan masuk yang sah dan bersebelahan dengan Sungai Berang. Bentuknya persegi empat tidak sekata dan tanahnya rata dengan tanah di sekitarnya serta sedikit rendah daripada jalan raya.

Harga Rizab:

RM8,280.00.

Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua orang yang berminat termasuk Pemegang Gadaian. Bagi tanah Pegangan Melayu, Orang Melayu sahaja yang berkelayakan menyambutnya.
2. Bakal-bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit 10% daripada harga rizab di pejabat ini selewat-lewatnya sebelum jam 10.00 pagi pada tarikh lelongan.
3. Selepas ketukan terakhir tukul, penyambut lelong yang berjaya hendaklah seberapa segera selepas lelongan membayar baki perbezaan (jika ada) daripada 10% harga sambutan (pembelian) selewat-lewatnya jam 3.30 petang hari berkenaan kepada Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu dan menandatangani satu perjanjian pembelian.
4. Deposit/bayaran hendaklah dalam bentuk Bank Draf atau Wang Tunai.
5. Jika pembeli gagal menjelaskan baki 90% daripada harga jualan dalam tempoh 90 hari beliau adalah dianggap sebagai telah melanggar syarat-syarat perjanjian pembelian dan wang deposit 10% akan dirampas oleh Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu dan diagihkan mengikut Seksyen 268 Kanun Tanah Negara.
6. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifkannya dan tiada kesilapan pernyataan silap atau perihal silap boleh membantalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
7. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.
8. Pembeli hendaklah menjelaskan baki wang jualan dalam masa 90 hari selepas daripada tarikh Perjanjian Pembelian ditandatangani.

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA